


KATA PENYAMBUNG AYAT : KATA HUBUNG

Kata penyambung ayat kata hubung terdiri daripada dua jenis, iaitu:

- (a) Kata hubung gabungan
- (b) Kata hubung pancangan



(a) Kata Hubung Gabungan

Kata hubung gabungan ialah perkataan yang menghubungkan dua ayat atau lebih yang sifatnya sama tara, iaitu ayat-ayat yang digabungkan itu ialah ayat utama. Ayat yang terbentuk menggunakan kata hubung demikian dinamai ayat majmuk gabungan.

Contoh:

dan atau serta tetapi
lalu sambil justeru/malahan kemudian

Contoh ayat:

1. Yamani *dan* adiknya gemar membaca buku.
2. Budak lelaki itu bukan gelandangan *atau* peminta sedekah.
3. Haniza melayari Internet *sambil* mendengar lagu.
4. Abang Kamil peramah *tetapi* adiknya agak pendiam.
5. Haji Sharif bangun *lalu* turun ke beranda rumah.
6. Kami tidak pernah lalai semasa guru mengajar, *malahan/justeru* kami mendengar dengan tekun.

(a) Kata Hubung Pancangan

Kata hubung pancangan ialah kata yang menyambungkan dua ayat tak setara atau lebih, iaitu ayat pancangan disambung pada ayat utama atau ayat induknya.

Terdapat tiga jenis kata hubung pancangan, iaitu:

- (i) Kata hubung pancangan relatif
- (ii) Kata hubung pancangan komplemen
- (iii) Kata hubung pancangan keterangan

Jenis Kata Hubung Pancangan	Kata Hubung	Contoh Ayat
relatif	yang	1. Budak <i>yang</i> berbaju biru itu adik saya. 2. Saya gemar melihat rumah <i>yang</i> di atas bukit itu.
komplemen	bahawa untuk	1. Pengetua mengumumkan <i>bahawa</i> esok ialah hari cuti. 2. <i>Untuk</i> Alia melupakan peristiwa itu bukan mudah.
keterangan	kalau semoga kerana hingga supaya apabila	1. Saya akan datang lagi <i>kalau</i> keadaan kewangan mengizinkan. 2. Kamil berdoa <i>semoga</i> penyakit neneknya segera sembuh. 3. Mereka tidak bermain bola sepak <i>kerana</i> hujan lebat. 4. Jaliza dan keluarganya berada di atas bukit <i>hingga</i> matahari terbit. 5. Polis mengawasi jalan raya <i>supaya</i> keadaan lalu lintas terkawal. 6. Kakak selalu ada <i>apabila</i> saya memerlukan pertolongannya.